Publication: Berita Harian , p 20 Date: 10 August 2017 Headline: Future lawyer makes consistent key note of success



SOKONGAN KELUARGA: Meskipun jauh di mata, keluarga Cik Nurul Ayu Fajarani (*tengah*) yang berada di Bali, Indonesia, sering memberi perangsang kepadanya. (*Dari kiri*) Bapanya, Encik Mohamad Saleh; ibunya, Cik I Gusti Ayu Mas Manik; adiknya, Sukma Ayu Fauziah, dan kakaknya Cik Diah Ayu Faradila sama-sama meraikan kejayaan beliau mendapat ijazah dengan keputusan cemerlang. – Foto ihsan NURUL AYU FAJARANI

Konsisten buat nota kunci kejayaan bakal peguam

BELAJAR secara konsisten daripada minggu pertama hingga akhir.

Itulah yang dilakukan siswazah Magna Cum Laude dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Cik Nurul Ayu Fajarani.

Menurut anak muda 24 tahun ini yang meraih ijazah Sarjana Muda dalam Undang-Undang, mengamalkan disiplin yang ketat amat penting lebih-lebih lagi bagi penuntut yang mengikuti jurusan yang memerlukan banyak pembacaan.

"Kalau saya mulakan pembacaan lambat, saya pasti akan terkial-kial. "Justeru, lebih baik mula mem-

bacanya dan membuat nota daripada awal lagi," ujarnya. Justeru, tidak menghairankan jika

nama Cik Nurul disenaraikan dalam Senarai Dekan 2015 dan 2016. Beliau, yang merupakan Penduduk Tetap (PR) Singapura, berkata penting memperuntukkan masa belajar dari awal dan tidak mengambil jalan mudah. "Selain itu, penting juga menden-

"Selain itu, penting juga mendengar dan memberikan perhatian sepenuhnya di dalam kelas. Ini akan memperkukuhkan pemahaman kita dalam subjek yang sedang diketengahkan guru itu," ujarnya lagi.

Cik Nurul yang berasal dari Bali, Indonesia, dan telah mengikuti sistem pendidikan Singapura sejak di Sekolah Perempuan Cina Singapura (SCGS) sehingga ke Maktab Rendah Temasek juga berkata penting bagi pelajar terus meluaskan pengetahuan mereka tentang jurusan yang diambil dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan sekolah. Beliau merupakan pelajar yang mewakili institusinya dalam satu pertandingan Mahkamah Moot Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC-MCC) di The Hague, Belanda, pada tahun lalu.

Pertandingan yang merupakan satu simulasi mahkamah itu menyaksikan SMU muncul sebagai juara di kalangan 50 negara yang mengambil bahagian.

bahagan. "Pertandingan itu memberikan saya pendedahan kepada dunia guaman dan ia juga menguji minda kita berdepan dengan kebijaksanaan pelajar guaman dari negara lain. "Lebih daripada itu, ia juga member sana berebinan angbila memben-

"Lebih daripada itu, ia juga memberi saya keyakinan apabila membentangkan idea agar lebih jelas semasa berhujah," katanya yang bakal mengikuti kontrak latihan di syarikat guaman Wong Partnership.